

KAMPUS UniMAP SERIAB

LONJAK PEMBANGUNAN NEGERI PERLIS

Kewujudan satu lagi kampus Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Taman Pertiwi Seriab membuktikan bahawa UniMAP sentiasa seiringan dengan kerajaan negeri dalam usaha melonjakkan pembangunan di negeri ini.

Pada awal penubuhan, UniMAP dengan nama asalnya Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) mula membenihkan operasinya di kampus sementara di Kubang Gajah, Arau, sebelum ia terus berkembang dengan kewujudan kampus di beberapa kawasan di Perlis.



UniMAP sememangnya dikenali sebagai kampus teragih dan konsep sebegini adalah dilihat bertepatan dengan impian kerajaan negeri Perlis untuk menjadikan negeri Perlis sebagai 'negeri ilmu'.

Justeru itu tanggal 26 Oktober 2010 yang lalu merupakan satu lagi detik manis penuh bersejarah buat UniMAP apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis hadir untuk merasmikan Kompleks UniMAP Kampus Seriab.

Kampus Seriab menempatkan tujuh jabatan dan juga kluster penyelidikan antaranya ialah Pusat Pembangunan Korporat Dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK), Pusat Pengajian Siswazah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE), Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP), Unit Kajian Strategik (UKS), Unit Penerbitan, Unit Multimedia dan Kluster Penyelidikan.

YAB Menteri Besar dalam ucapannya menaruh harapan agar suatu hari nanti UniMAP akan menjadi sebuah Universiti Penyelidikan terulung di Malaysia dan di rantau ini. Beliau turut tidak menafikan bahawa kehadiran UniMAP telah menyemarakkan pembangunan ekonomi negeri ini.

Selain itu beliau amat berbangga dengan pencapaian UniMAP di bawah pimpinan Naib Canselor, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin kerana bukan sahaja berperanan sebagai sebuah IPTA yang tidak lekang memainkan peranan untuk memastikan kejayaan mahasiswanya, malah pelbagai jentera telah digerakkan untuk mengharmonikan masyarakat setempat di negeri Perlis.

Menurut Naib Canselor, walaupun kampus tetap UniMAP di Pauh yang kini telah beroperasi dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2015, UniMAP masih akan mengekalkan konsep kampus teragih di tiga kawasan Parlimen di Perlis iaitu Kangar, Arau dan Padang Besar.

“YAB Menteri Besar dalam ucapannya menaruh harapan agar suatu hari nanti UniMAP akan menjadi sebuah Universiti Penyelidikan terulung di Malaysia dan di rantau ini”.



“Saya yakin dengan konsep teragih ini banyak kebaikan dapat diperolehi bukan sahaja bagi UniMAP tetapi buat semua masyarakat di Perlis dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk Perlis.

Sementara itu, pada hari perasmian tersebut pelbagai program turut disusun di mana setiap PTj yang ditempatkan di Kampus Seriab membuat pameran serta merangka aktiviti yang sesuai bagi memberi peluang kepada masyarakat setempat mengenali UniMAP dengan lebih dekat lagi.

Antara program yang dimuatkan adalah Bicara Tokoh, mengupas topik “Ilmu Teras Kepimpinan Unggul” Ahli panel terdiri daripada Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid B. Pawanteh yang merupakan mantan Yang DiPertua Dewan Negara dan mantan Menteri Besar Perlis serta Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin. Selain itu pelbagai pameran dan pemeriksaan kesihatan percuma turut dijalankan.

